

31/10/1997

Kedah buka kilang bimbingan IKS

Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Kedah, dengan kerjasama Bank Pembangunan, akan memajukan kawasan seluas empat hektar di Kuala Ketil, dekat Sungai Petani, sebagai kawasan 'Kilang Bimbingan' bagi membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) Bumiputera.

Mengikut skim 'Kilang Bimbingan,' Bank Pembangunan akan melabur sebanyak RM10 juta bagi membina kira-kira 20 kilang yang kemudiannya akan disewa kepada usahawan IKS Bumiputera.

Bagi memastikan usahawan berkenaan mampu berdaya saing dengan usahawan lain, kerajaan negeri akan membentuk kerjasama dengan pelbagai syarikat besar yang menanam pelaburan beratus-ratus juta ringgit di Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, berkata projek yang akan dimulakan awal tahun depan itu bertujuan memajukan usahawan IKS Bumiputera yang setakat ini belum mempamerkan prestasi membanggakan akibat kurang daya saing di pasaran tempatan.

"Dengan adanya skim 'Kilang Bimbingan' ini, lebih ramai usahawan IKS Bumiputera akan diwujudkan, sekali gus membantu merencanakan pembangunan ekonomi berasaskan kemajuan dalam industri perkilangan di Kedah.

"Setakat ini ada kira-kira 300 usahawan IKS Bumiputera di seluruh Kedah mengikut skim bantuan dianjurkan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama)," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, melalui skim berkenaan, Bank Pembangunan bukan setakat menyediakan kilang untuk disewa, malah pakej bantuan kewangan sebagai modal pusingan untuk usahawan terbabit.

Antara lain, bantuan berkenaan menyediakan peluang untuk usahawan IKS Bumiputera membeli peralatan atau mesin bagi mengeluarkan pelbagai barangan mengikut skim vendor KHTP.

Beliau berkata, 'Kilang Bimbingan' juga berperanan sebagai pelengkap pembangunan skim vendor IKS Bumiputera KHTP di kawasan seluas 120 hektar berhampiran KHTP berikutan lokasi Kuala Ketil yang hampir dengan KHTP.

Mengikut cadangan pembangunan skim vendor di KHTP, kira-kira 1,500 industri perkilangan IKS akan dibina khusus bagi mengeluarkan pelbagai produk syarikat induk yang terbabit dalam industri berteknologi tinggi di KHTP.

KHTP berharga RM1.2 bilion mula dibuka pada 1993. Ia diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

KHTP membabitkan kawasan seluas 1,450 hektar menyediakan industri penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu diuruskan oleh Perbadanan Taman Teknologi Kulim Sdn Bhd (KTPC).

Setakat ini, fasa pertama kawasan perindustrian itu membabitkan kawasan seluas 250 hektar sudah dipajak manakala keseluruhan pelaburan yang sudah disahkan adalah sebanyak RM14 bilion.

Abdullah Hasnan berkata, usahawan IKS sedia ada atau yang ingin memulakan industri masing-masing mengikut skim 'Kilang Bimbingan' diminta berurusan dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) bagi merebut peluang perniagaan di kawasan terbabit.

(END)